

27/07/1999

Bina Puri cadang melabur di Mesir, Nepal

BINA Puri Holdings Bhd, yang bergiat dalam kegiatan pembinaan tempatan merancang melabur dalam sektor tenaga di Mesir dan Nepal menerusi perkongsian pintar dengan syarikat negara berkenaan.

Pengerusi Eksekutif Bina Puri, Datuk Mohamed Feisal Ibrahim, berkata operasi di Mesir akan dikendalikan anak syarikatnya, Bina Puri HG Power.

"Kami turut mengemukakan permohonan kepada syarikat Mesir dan dijangka mendapat keputusan dalam tempoh dua bulan akan datang," katanya kepada pemberita di Dialog Antarabangsa Langkawi 1999, semalam.

Kumpulan itu yang sudah menyertai dialog antarabangsa itu sejak dua tahun lalu, yakin konsep perkongsian pintar yang dicetuskan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mampu menyumbang kepada pengukuhan operasi kumpulan untuk meneroka pasaran antarabangsa.

Mohamed Feisal berkata, selain membuka peluang perniagaan yang lebih luas, LID 99 yang berkonsepkan sama-sama menang secara tidak langsung menjana kepada pembangunan ekonomi negara.

Menerusi perkongsian pintar yang diamalkan, Bina Puri dijangka melabur RM100 juta bagi pembangunan projek bandar bercampur di Mozambique.

"Bagaimanapun, ia kini dalam proses rundingan mendapatkan kelulusan tanah," katanya.

Bina Puri yang kini menjalankan projek pembinaan lebuh raya sepanjang 78 Kilometer bernilai RM300 juta di Andra Pradesh, India mengunjurkan pertumbuhan operasi perniagaan sebanyak 10 peratus tahun ini.

Projek berkenaan yang dimulakan sejak tahun lalu dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2002.

Selain itu, kumpulan juga terbabit dalam lima projek pembinaan jejambat di India. Kedua-dua projek dibangunkan oleh anak syarikatnya, Madhucon Bina Puri JV.

"Kedua-dua operasi berkenaan diunjur menyumbang keuntungan sebanyak RM20 juta kepada kumpulan," katanya.

Mohamad Feisal berkata, bagi tempoh separuh tahun ini, Bina Puri turut memperolehi kontrak tempatan bernilai RM239 juta.

Antara projek yang dimajukan termasuk laluan tol Nilai, Negeri Sembilan bernilai RM38.1 juta, laluan B20 ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Sehingga kini kami sudah mempunyai kontrak dalam tangan sebanyak RM750 juta," katanya.

Mengulas mengenai harapan kumpulan terhadap pencapaian LID 99, Bina Puri yakin mampu memperluaskan hubungan perniagaannya dengan pelabur dari negara Afrika.

Menurut beliau, rantau berkenaan mempunyai potensi pelaburan yang cukup besar terutama dalam kegiatan pembangunan hartanah seperti bandar campuran saiz sederhana bagi memenuhi keperluan tempatan.

"Selain itu, sektor perkhidmatan utiliti dan perkhidmatan serta kegiatan penswastaan adalah di antara faktor yang dikenal pasti mempunyai masa depan cerah untuk diterokai," katanya.

(END)